

25/10/2002

Bahasa Inggeris: Keputusan BN selepas kaji syor

ALOR STAR, Khamis - Kaedah pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) akan diputuskan Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) selepas meneliti cadangan parti komponen yang mewakili kaum Cina.

Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Dewan Tertinggi BN akan mengadakan mesyuarat sebaik parti terbabit, yang diberi tempoh seminggu untuk mencari kaedah berkenaan, mengemukakan laporannya.

"Saya sendiri tak boleh buat keputusan," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas cadangan parti kaum Cina dalam komponen BN agar SJKC dikecualikan mengajar kedua-dua pelajaran itu dalam bahasa Inggeris pada waktu sekolah, sebaliknya dibenarkan mengadakan kelas tambahan.

Semalam, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata cadangan itu akan dibincangkan parti yang mewakili kaum Cina dalam tempoh seminggu ini.

Dr Mahathir berkata, ada juga parti kaum Cina yang setuju dengan pengajaran bahasa Inggeris untuk Sains dan Matematik, seperti Parti Liberal Demokratik (LDP) yang sudah memberi sokongan secara terbuka.

Pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN Selasa lalu, semua parti komponen sepakat melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah rendah dan menengah mulai tahun depan.

Bagaimanapun, lima parti Cina diberi tempoh seminggu untuk merumuskan kaedah pelaksanaan tersendiri bagi SJKC.

Kelima-lima parti itu ialah MCA, Gerakan, Parti Maju Sabah (SAPP), Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) dan LDP.

Namun, hanya empat parti yang mengadakan perbincangan seterusnya mengenai perkara itu manakala LDP tidak berbuat demikian kerana mengambil keputusan menyokong langkah kerajaan.